

21 JUN 1998
RAFIDAH-IPO/I
NILAI SAHAM BUMI RUGI RM1.4 BLN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Nilai saham sejumlah 82 syarikat yang diperuntukkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera dan dana-dana yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dari tahun 1996 hingga 1997 telah merosot sebanyak RM1.4 bilion sehingga Jun 18, 1998.

Saham-saham tersebut diperuntukkan oleh MITI.

Menterinya, Datuk Seri Rafidah Aziz memberitahu pemberita selepas perhimpunan agung UMNO di sini hari ini bahawa harga saham sebanyak 76 daripada sejumlah 82 syarikat adalah di bawah paras tawaran harga permulaan (IPO)

Daripadanya, harga 16 syarikat adalah 29 peratus di bawah IPO, 21 syarikat antara 30-49 di bawah IPO, 35 syarikat antara 50-80 peratus di bawah IPO manakala empat menjunam melebihi 80 peratus di bawah IPO. Baki enam saham syarikat masih lagi mengatasi IPO.

Perdana Menteri dan presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga merujuk pada IPO ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan tersebut.

Rafidah berkata: "Kita memperkatakan saham-saham yang diperuntukkan dua tahun lalu, jangankan sebut fasal sebelum itu."

Katanya mereka yang diperuntukkan saham-saham itu adalah pelabur-pelabur Bumiputera tulen dan sebagai pelabur serius, masih lagi memegang saham-saham terbabit.

Rafidah berkata antara syarat untuk memperolehi peruntukan khas ini ialah saham-saham tersebut mestilah dipegang selama dua tahun dan memerlukan kebenaran MITI sebelum dijual.

Mengenai pemulihan harga-harga saham, katanya ia bergantung pada prestasi pasaran saham yang sebaliknya bergantung pada pemilihan ekonomi negara.

Oleh itu, "marilah marilah kita tumpukan pada isu-isu yang berkaitan Bumiputera dan bukannya isu-isu yang remeh," katanya.

-- BERNAMA
TEAM MA